

28/09/2000

Replika Masjidil Haram, Masjid Nabawi dipamer

SERI KEMBANGAN, Rabu - Replika Masjidil Haram di Makkah dan Masjid Nabawi di Madinah adalah antara tarikan sempena Persidangan Panduan Haji Antarabangsa yang akan berlangsung mulai 30 September hingga 2 Oktober.

Replika sebesar tiga meter itu akan diletakkan di lobi utama, Hotel Palace of Golden Horses, dekat sini.

Penganjur Eksekutif persidangan itu, Hussain Ali Bondagjy berkata, replika berkenaan mempamerkan keadaan sebenar kedua-dua masjid yang sudah diubah suai dan dibesarkan.

"Kita mahu apabila pengunjung termasuk delegasi, penginap hotel dan orang ramai melihat replika itu, ia akan dihayati seumpama perjalanan ke Tanah Suci," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Katanya, selain replika berkenaan, pihaknya juga akan mempamerkan gambar dan lukisan beberapa tempat suci di Makkah dan Madinah seperti Masjid Mina, Quba dan Padang Arafah sempena persidangan itu.

Lima puluh dua negara menghantar wakil termasuk 20 menteri yang menguruskan haji menyertai persidangan antarabangsa pertama mengenai panduan haji itu.

Persidangan yang bertemakan Ke Arah Haji Mabrur itu, bertujuan mencari jalan terbaik dan bertukar pengalaman dalam menguruskan jemaah haji.

Hussain berkata, pameran yang diadakan sempena persidangan itu mula dibuka kepada orang ramai, Jumaat ini.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya menyediakan enam kain kelambu Kaabah yang akan dihadiahkan kepada beberapa pihak termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)